

Publication	www.umk.edu.my	Section /Page No.	Online
Date	Wed, 21 st Sept 2016	Lead Article	-
Headline	Lima Penggiat Batik Malaysia Terima Anugerah Tokoh Batik 2016		

Lima Penggiat Batik Malaysia Terima Anugerah Tokoh Batik 2016



PENGUSAHA batik dan pemilik syarikat Cliff Ink Sdn Bhd, Wan Marina Awang Masbak dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Usahawan Batik diatas sumbangan beliau menjadikan batik sebagai komoditi perniagaan dengan penubuhan Syarikat Cliff Ink Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat berprestasi tinggi yang diiktiraf oleh **Unit Peneraju Agenda Bumiputera**, Jabatan Perdana Menteri (TERAJU) dan SME Corp Malaysia.



Kejayaan itu membolehkan beliau membawa balik hadiah berupa wang tunai berjumlah RM10,000 dan sebuah trofi yang disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman, pada majlis Anugerah Tokoh Batik 2016 yang berlangsung di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan, pada 18 September 2016.

Pada majlis itu, UMK turut menganugerahkan Tokoh Batik 2016 kepada lima individu yang bergiat aktif dalam perusahaan dan pemuliharaan warisan dalam seni kraf batik di negara ini.



Dalam pada itu, pemilik Narfindo Batik (M) Sdn Bhd, Wan Mohd Affendi Wan Mohd Ariffin pula dipilih sebagai sebagai Tokoh Usahawan Muda Batik yang membawa pulang wang tunai RM7,000.00.

Manakala Abdul Aziz Awang sebagai Tokoh Kesenian Batik, Tn. Hj. Kamarozzaman Mohd Salleh sebagai Tokoh Warisan Batik dan Dato' Leela Mohd Ali sebagai Tokoh Pejuang Batik, masing-masing berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000.00 dan sebuah trofi.

UMK turut meraikan empat individu kreatif yang berjaya dalam penyertaan pertandingan Lukisan Batik Tulen yang diadakan sempena Minggu Fiesta Batik Malaysia yang berlangsung pada 14 hingga 20 September 2016.

Menurut Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah, anugerah Tokoh Batik itu adalah sebagai tanda komitmen universiti itu untuk menjamin kelestarian seni batik sebagai satu warisan bangsa Malaysia dan yang lebih penting ialah membangunkan industri batik tempatan ke tahap yang lebih membanggakan.

Beliau berkata, UMK sebagai universiti keusahawanan yang menjadikan bidang warisan seperti seni kraf batik dan industri batik sebagai satu daripada fokus adalah sangat tepat.

"Banyak program yang boleh dijalankan oleh pihak universiti dengan kerjasama agensi yang berkaitan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan persatuan batik untuk memartabatkan prestasi dan reputasi batik tempatan.



"Seni warisan batik ini adalah satu warisan bangsa yang kaya dengan nilai-nilai estetikanya yang tersendiri," katanya. Beliau berkata pada hari ini, prestasi industri batik di negara ini kelihatan statik dan masih belum berjaya berdiri dengan teguh di peringkat antarabangsa," katanya.

Tambah beliau, industri batik negara tidak terlepas daripada cabaran masa kini seperti persaingan globalisasi, evolusi teknologi dan media sosial serta kehendak generasi baru yang semakin canggih malah inilah antara isu sebenar yang memberi cabaran hebat kepada seluruh rangkaian nilai industri batik negara.

Sesuai dengan penganjuran Minggu Fiesta Batik sempena Tahun Melawat Kelantan 2016, beliau percaya batik bakal menjadi sesuatu yang boleh ditawarkan kepada pengunjung sebagai produk pakaian, hiasan dan barangan cenderahati.

"Pada fiesta ini juga usahawan dan penggiat batik bersama ahli akademik boleh bertukar pengetahuan, pengalaman serta mencari peluang kerjasama untuk pembangunan industri batik tempatan," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed berkata, sebagai sebuah Universiti Keusahawanan yang turut menjadikan bidang warisan sebagai salah satu fokus pengajian, UMK amat menyokong segala usaha yang membantu dalam memartabatkan warisan negara seperti seni kraf batik.

Beliau berkata, sepertimana yang kita semua sedia maklum merupakan warisan negara yang semakin diancam kepupusan dan ilangan pengusaha batik tulen yang aktif juga semakin berkurangan.

Justeru, usaha menganjurkan program Fiesta Batik dan Anugerah Tokoh Batik ini telah menunjukkan komitmen dan keprihatinan UMK untuk menjamin kelestarian industri dan warisan batik di Malaysia.



"Dengan secara tidak langsung, usaha ini menjadi langkah strategik untuk mempromosi warisan batik tempatan sebagai produk pelancongan. Penganjuran Fiesta Batik ini amat bertepatan dengan agenda Tahun Melawat Negeri Kelantan 2016," katanya.

Penerima Anugerah Tokoh Warisan Batik 2016 yang juga Pengurus Batik Samasa Sdn Bhd, Tn. Hj. Kamarozaman, berkata, perniagaan batik ini adalah warisan keluarga iaitu daripada datuknya, Che Su Che Ishak, sejak tahun 1911 lagi.

Beliau merupakan generasi ketiga yang mewarisi pembuatan batik daripada bapanya, Mohd Salleh Che Su daripada awal hingga sekarang.

"Saya amat gembira menerima pengiktirafan ini daripada UMK yang telah mengambil inisiatif untuk memartabatkan semula industri batik di negara ini.

"Pada suatu ketika dahulu, syarikat kami telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa dengan menjadi pengeluar batik terbesar di dunia terutamanya dalam pasaran kain batik ela yang telah mendapat permintaan tinggi di negara Eropah dan Amerika Syarikat," jelasnya.

